KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 JULAI 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Malaysia berhasrat jadi tuan rumah Piala Dunia - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/44uxa9wz

Malaysia berhasrat jadi tuan rumah Piala Dunia - Ahmad Zahid

Bernama - Julai 20, 2026 @ 6:30am



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tengah) hadir menyaksikan Perlawanan Akhir Piala Dunia 2026 di antara pasukan Argentina bertemu Sepanyol dan Semarak Subuh dii Bangi Square 2 malam ini. - Foto BERNAMA

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

BANGI: Malaysia berhasrat menjadi tuan rumah Piala Dunia iaitu kejohanan bola sepak paling berprestij, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu berkata bukan sahaja sebagai tuan rumah, malah beliau ingin melihat Malaysia layak beraksi sebagai wakil Asia Tenggara dalam kejohanan berkenaan.

"Insya-Allah, satu hari nanti kita bercita-cita untuk menjadikan Malaysia tuan rumah Piala Dunia.

"Mudah-mudahan ketika itu pasukan Malaysia akan menjadi satu daripada pasukan untuk mewakili Asia Tenggara," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 JULAI 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Malaysia berhasrat jadi tuan rumah Piala Dunia - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/3d9tspkr

MALAYSIA

Malaysia berhasrat jadi tuan rumah Piala Dunia - Ahmad Zahid

Bernama
20/07/2026 | 06:00 MYT



Ahmad Zahid (tengah) ketika bergambar kenangan sebelum menyaksikan Perlawanan Akhir Piala Dunia 2026 di antara pasukan Argentina bertemu Sepanyol dan Semarak Subuh dii Bangi Square 2. - Foto BERNAMA

Advertisement

BANGI: Malaysia berhasrat menjadi tuan rumah Piala Dunia iaitu kejohanan bola sepak paling berprestij, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu berkata bukan sahaja sebagai tuan rumah, malah beliau ingin melihat Malaysia layak beraksi sebagai wakil Asia Tenggara dalam kejohanan berkenaan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 JULAI 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	KEMAS perkasa pendidikan Islam
PAUTAN	https://tinyurl.com/mvyux6et

Kemas perkasa pendidikan Islam

225,000 kanak-kanak ikuti hafazan Juzuk 30 -Ahmad Zahid

Oleh NORAFIDAH ASSAN


NORLIANA


HAYATI


ENDANG

JEMPOL – Lebih 225,000 kanak-kanak Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di seluruh negara telah mengikuti program penghafalan Juzuk 30 sejak diperkenalkan tiga tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, sebelum ini tiada kelas khusus seperti itu, namun Kemas mengambil inisiatif memperkenalkannya atas kesedaran bahawa pendidikan Islam perlu diterapkan sejak usia muda.

"Pendekatan berkenaan selaras dengan pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' bagi membentuk generasi yang kukuh dengan asas agama.

"Alhamdulillah, sehingga kini lebih 225,000 anak-anak Tabika Kemas di seluruh negara telah mengikuti program penghafalan Juzuk 30 sejak ia diperkenalkan tiga tahun lalu," katanya ketika berucap semasa Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA@KKDW) Peringkat Negeri Sembilan di Felda Palong 8 di sini pada Sabtu.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, Kemas turut memperkenalkan pembelajaran pintar (Smart Learning) berasaskan teknologi bagi memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif serta selari dengan perkembangan semasa.


Ahmad Zahid (lima dari kiri) bersama peserta talik tali.


Antara peserta yang menyertai rewang pada program berkenaan yang manis berpakaian kurung Kedah.



Ahmad Zahid (dua dari kanan) hadir merasmikan program berkenaan di Felda Palong 8, Jempol pada Sabtu.

Dalam pada itu beliau berkata, Johor dan Pahang telah melaksanakan hampir 100 peratus rumah generasi kedua dan ketiga Felda.

Menurutnya, usaha sama akan diteruskan bagi memastikan kemudahan berkenaan diperluaskan ke negeri lain.

"Dua negeri yang telah melaksanakan hampir 100 peratus ialah Johor dan Pahang. Negeri Sembilan belum lagi" katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Program GEMA@KKDW Negeri Sembilan yang merupakan siri kedua pelaksanaannya dengan siri pertama dilaksanakan di Kota Tinggi, Johor.

Pelaksanaan GEMA@KKDW memberi penekanan kepada pendekatan turun padang yang lebih dekat dengan rakyat, sekali gus memastikan setiap dasar, program dan perkhidmatan kerajaan dapat disampaikan secara berkesan kepada masyarakat luar bandar.

Inisiatif tersebut bermatlamat mencetuskan gelombang positif di peringkat akar umbi melalui sinergi pelbagai program dalam ekosistem KKDW dengan penglibatan kementerian dan jabatan lain, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta sektor korporat selain bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama, meningkatkan kesejahteraan komuniti dan memastikan kehadiran kepimpinan kerajaan.

Program yang dinanti-nanti penduduk

Pelbagai aktiviti menarik, perkhidmatan kerajaan dan jualan usahawan tempatan yang menghimpunkan kehadiran penduduk menjadikan program berkenaan antara yang dinanti-nantikan masyarakat luar bandar, khususnya komuniti Felda.

Penduduk Felda Palong 13, Norliana Mohd Hashim, 44, berkata, program tersebut bukan sahaja menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk seisi keluarga, malah membuka peluang kepada usahawan tempatan menjana pendapatan.

> Alhamdulillah, sehingga kini lebih 225,000 anak-anak Tabika Kemas di seluruh negara telah mengikuti program penghafalan Juzuk 30 sejak ia diperkenalkan tiga tahun lalu."
> - Ahmad Zahid

Menurutnya, anaknya turut menyertai pertandingan mewarna anjuran Tabika Kemas Palong 12, manakala gerai jualan yang disediakan menawarkan pelbagai pilihan kepada pengunjung.

"Bagi saya program ini memang bagus untuk semua. Anak saya dapat sertai aktiviti mewarna, manakala jualan pun meriah dengan pelbagai barangan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Seorang lagi pengunjung dari Felda Palong 15, Hayati Harun, 38, berkata, program seumpama itu wajar diteruskan kerana memberi peluang kepada penduduk luar bandar menikmati pelbagai perkhidmatan dan aktiviti di kawasan mereka sendiri.

"Program macam ini memang bagus untuk rakyat. Harap ia dapat diteruskan lagi pada masa akan datang kerana banyak manfaat yang boleh dinikmati penduduk setempat," katanya.

Sementara itu, Endang Wenarni Sujarno, 40, dari Felda Palong 15 berkata, program berkenaan amat membantu penduduk Felda yang berdepan kesukaran untuk ke bandar bagi mendapatkan perkhidmatan atau menghadiri program tertentu.

"Ada dalam kalangan kami agak sukar untuk keluar ke bandar. Jadi apabila program seperti ini diadakan di kawasan kami, banyak manfaat yang boleh diperoleh dalam satu tempat," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 20 JULAI 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Program psikologi perkukuh hubungan warga KETENGAH
PAUTAN	https://tinyurl.com/4ph625d5



Program psikologi perkukuh hubungan warga Ketengah

SERAMAI 60 pegawai dan kakitangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) menyertai Program Psikologi yang berlangsung di Kelab Golf Bukit Besi, Dungun pada 8 Julai lalu.

Program anjuran Puspanita Cawangan Kecil Ketengah dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia Ketengah serta Akrab Ketengah itu bertujuan meningkatkan persefahaman serta menyemai budaya komunikasi dalam kalangan pekerja.

Selain memberi penekanan terhadap kesejahteraan psikologi, program tersebut turut membantu peserta memahami peranan, emosi dan keperluan antara satu sama lain sama ada di tempat kerja mahupun dalam institusi keluarga.

Pengisian program disampaikan oleh Pegawai Psikologi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Mohd. Yusnoruddin Mohd. Yuznah menerusi ceramah dan aktiviti interaktif kepada para peserta.

■ **SEBAHAGIAN kakitangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) menyertai Program Psikologi yang berlangsung di Kelab Golf Bukit Besi, Dungun, baru-baru ini.**